



24 OCT, 2024

Kastam nafi Ketua Pengarah campur tangan kes seludup kenderaan mewah

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam nafi Ketua Pengarah campur tangan kes seludup kenderaan mewah

Putrajaya: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menafikan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin campur tangan dalam penahanan dan siasatan terhadap sindiket penyeludupan kenderaan mewah di Sarawak.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Ribuan Abdullah menegaskan Bahagian XII Akta Kastam 1967 menjamin hak untuk Pegawai Penguatkuasaan JKDM untuk menjalankan tugas tanpa sebarang campur tangan mana-mana pihak, termasuk di peringkat negeri yang diterajui oleh Pengarah Kastam Negeri.

"JKDM menafikan pembabitkan Ketua Pengarah Kastam dalam penahanan atau siasatan kenderaan-kenderaan yang disita kerana perkara ini jelas di bawah bidang tugas Bahagian Penguatkuasaan yang diterajui oleh Pen-

garah Kastam Negeri Sarawak.

"JKDM juga ingin menegaskan Ketua Pengarah Kastam tidak pernah campur tangan dalam urusan atau aktiviti penguatkuasaan dan penahanan kenderaan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Beliau berkata demikian bagi menafikan dakwaan yang tular media sosial menerusi satu hantaran yang menuduh Anis Rizana memberi layanan istimewa kepada sindiket yang terbabit dalam kes rampasan 10 kenderaan mewah pelbagai jenama dianggarkan bernilai lebih RM8.12 juta oleh JKDM Sarawak.

Ribuan berkata, satu laporan polis dibuat berhubung dakwaan itu bagi menjaga nama baik Anis



Anis Rizana

Rizana dan JKDM.

Mengulas mengenai rampasan yang dilakukan JKDM Sarawak, Ribuan berkata, tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan mewah dan pemilik yang terkait dalam kes berkenaan, dilakukan mengikut Seksyen 114 Akta Kastam 1967.

Beliau berkata, akta itu memberi kuasa kepada pegawai kastam untuk menyita apa-apa barang sekiranya terdapat sebab yang munasabah untuk mengesyaki berlakunya kesalahan mengikut akta itu atau peraturan-peraturannya.

"Keputusan untuk meneruskan sesuatu tindakan, sama ada pendakwaan atau melepaskan kenderaan-kenderaan berkenaan, tertakluk kepada kuasa Pen-

dakwa Raya di bawah Seksyen 379 Kanun Acara Jenayah," katanya.

Sementara itu, Ribuan berkata, JKDM Sarawak menahan sebanyak 56 kenderaan untuk siasatan, yang membabitkan hasil berjumlah RM11.7 juta bagi tempoh Januari hingga September tahun ini.

Beliau berkata, ini menunjukkan peningkatan sebanyak 115.4 peratus bagi jumlah unit kenderaan dan peningkatan sebanyak 192.5 peratus bagi jumlah hasil berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

"Tindakan Penguatkuasaan JKDM yang tegas akan berterusan, walaupun tohmahan dan fitnah dilemparkan oleh pihak-pihak yang tidak senang dengan prestasi rampasan yang telah meningkat bagi 2024 berbanding 2023," katanya.

BERNAMA



24 OCT, 2024

Kastam nafi Ketua Pengarah campur tangan kes seludup kenderaan mewah

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Putrajaya: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menafikan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin campur tangan dalam penahanan dan siasatan terhadap sindiket penyeludupan kenderaan mewah di Sarawak. Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Ribuan Abdullah menegaskan Bahagian XII Akta Kastam 1967 menjamin hak untuk Pegawai Penguatkuasaan JKDM untuk menjalankan tugas tanpa sebarang campur tangan mana-mana pihak, termasuk di peringkat negeri yang diterajui oleh Pengarah Kastam Negeri.